



Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri,
Ahli Dewan Negeri,
Pegawai Daerah,
Negeri Selangor Darul Ehsan

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
BILANGAN 2 TAHUN 2015**

**PINDAAN PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
BILANGAN 1 TAHUN 2015 : GARIS PANDUAN PENGGUNAAN
PERUNTUKAN AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI DAN
AHLI DEWAN NEGERI SELANGOR**

1.0 TUJUAN

- 1.1 Surat Pekeliling Perbendaharaan (SPP) ini dikeluarkan adalah untuk meminda dan memaklumkan kepada semua Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (AMMKN), Ahli Dewan Negeri

(ADN) Selangor dan Pegawai Daerah selaku Pegawai Pengawal berhubung agihan semula kadar penggunaan Akaun Khas peruntukan AMMKN dan ADN di setiap Pejabat Daerah dan Tanah.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Pekeliling Perbendaharaan Negeri Selangor Bilangan 1 Tahun 2015 (PP Bil 1/2015) berhubung Garis Panduan Penggunaan Peruntukan AMMKN dan ADN yang berkuat kuasa pada 29 Januari 2015 telah menggariskan perkara berikut:

- i. Setiap AMMKN dan ADN diluluskan peruntukan tahunan masing-masing berjumlah RM900,000.00 dan RM700,000.00. Manakala setiap ADN (pembangking) diperuntukkan sebanyak RM200,000.00 pada setiap tahun.
- ii. Penggunaan peruntukan ini terbahagi kepada empat (4) kategori iaitu pengurusan pejabat, projek-projek kecil, sumbangan kemasyarakatan secara tunai serta program dan aktiviti mesra rakyat.
- iii. Penetapan kadar penggunaan peruntukan telah digariskan, di antaranya adalah:

- a. Perbelanjaan pengurusan pejabat ADN adalah tidak melebihi RM10,000.00 setahun termasuk penyewaan ruang pejabat, penyewaan mesin fotostat, penyelenggaraan pejabat, pembayaran bil utiliti, pembelian komputer, pencetak, alat tulis, perbelanjaan mesyuarat serta lain-lain peralatan dan keperluan dalam pengurusan pejabat;
- b. Projek-projek kecil perlu dilaksanakan pada kadar minimum 30 peratus daripada peruntukan yang diberikan;
- c. Sumbangan kemasyarakatan, sumbangan kecemasan dan program mesra rakyat boleh dilaksanakan dengan kos keseluruhan program adalah tidak melebihi 70 peratus daripada jumlah yang disalurkan.

3.0 AGIHAN SEMULA KADAR PENGGUNAAN PERUNTUKAN

- 3.1 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke 23/2015 yang diadakan pada 22 Julai 2015 dan disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke 24/2015 pada 29 Julai 2015 telah memutuskan agar kadar penggunaan peruntukan diagih semula seperti berikut:

- i. Amaun perbelanjaan pengurusan pejabat dipinda daripada tidak melebihi RM10,000.00 setahun kepada tidak melebihi RM72,000.00 setahun bagi penyewaan ruang pejabat, penyewaan mesin fotostat, penyelenggaraan pejabat, pembayaran bil utiliti, pembelian komputer, pencetak, alat tulis, perbelanjaan mesyuarat serta lain-lain peralatan dan keperluan dalam pengurusan pejabat;
- ii. Peratusan agihan adalah kekal bagi projek-projek kecil iaitu pada kadar minimum 30 peratus daripada peruntukan yang diberikan, manakala sumbangan kemasyarakatan, sumbangan kecemasan dan program mesra rakyat dilaksanakan dengan kos keseluruhan program adalah tidak melebihi 70 peratus daripada jumlah yang disalurkan.

4.0 TARIKH KUAT KUASA

- 4.1 Arahan ini berkuat kuasa pada tarikh ia dikeluarkan dan hendaklah dibaca bersama-sama PP Bil 1/2015 serta tertakluk kepada prosedur kewangan dan lain-lain peraturan Kerajaan yang sedang berkuat kuasa.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(DATO' NOORDIN BIN SULAIMAN) D.P.M.S., S.I.S.
Pegawai Kewangan Negeri
Selangor Darul Ehsan

Tarikh: 7 Ogos 2015

Salinan kepada:

- i. YAB Dato' Menteri Besar Selangor
- ii. YB Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
- iii. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Pembangunan)